

Kenaikan Harga Barang

Pernah berlaku pada zaman Nabi SAW ketika harga barang meningkat tinggi, orang ramai datang kepada Baginda untuk mengadu, katanya: Hai Rasulullah! Tetapkanlah harga barang-barang itu! Lalu Baginda menjawab:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمُسْعِرُ الْقَابِضُ الْبَاسِطُ الرَّزَّاقُ، وَإِنِّي لَأَرْجُو أَنْ أَلْقَى اللَّهَ وَلَيْسَ أَحَدٌ
مِنْكُمْ يُطَالِنِي بِمَظْلَمَةٍ فِي دَمٍ وَلَا مَالٍ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah SWT yang menentukan harga barang-barang itu, Dialah yang menggenggam dan melepaskan. Sesungguhnya aku berharap nanti apabila aku menemui Allah, tiada seorang pun di antara kamu yang akan menuntuku dalam barang penganiayaan (perkara yang dibuat secara teraniaya) baik yang berkaitan dengan darah mahupun harta benda.*”

Riwayat Ahmad (14421), al-Tirmizi (1362), al-Darimi dan Abu Ya'la

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Nabi SAW telah menyatakan dengan sabdanya bahawa mencampuri hak kebebasan individu tanpa hak atau darurat merupakan perbuatan penganiayaan, yang mana Baginda berharap akan bertemu dengan Allah SWT nanti dan terselamat dari kesalahan ini.
2. Tetapi, apabila keadaan pasaran dipengaruhi oleh gejala-gejala yang tidak normal, seperti sebahagian peniaga cuba memonopoli pasaran sesuatu barang,

dan ingin menaik-turunkan harta sesuatu barang dengan sesuka hatinya, maka ketika itu kepentingan orang ramai mestilah diutamakan daripada kebebasan hak individu, maka bolehlah menetapkan harga untuk melindungi keperluan dan kepentingan masyarakat ummah, dan menyelamatkan mereka dari pengaruh monopoli orang-orang yang tamak, serta menindas maksud jahat mereka, sebagaimana yang sudah ditetapkan kaedah-kaedah hukumnya.

3. Tegasnya bukanlah dari maksud hadis yang lalu itu melarang menetapkan pengawasan harga (*price control*), meskipun sebaliknya ada maksud melenyapkan bahaya umum, ataupun menolak kebahayaan yang merata. Apa yang diputuskan oleh para ulama bahawa menetapkan harga pada barang-barang yang terdapat padanya unsur-unsur penganiayaan adalah haram, dan apa yang terdapat padanya unsur-unsur keadilan adalah harus dan dibolehkan.
4. Oleh kerana itu, perkara-perkara yang meliputi unsur penganiayaan terhadap orang ramai dan memaksa mereka (ahli peniaga), untuk menurunkan harga tanpa ada hak dengan menetapkan harga yang tidak dipersetujuinya, ataupun dengan tujuan untuk menghalang mendapat keuntungan yang dibolehkan oleh Allah SWT untuk mereka, maka yang demikian itu adalah haram.
5. Sebaliknya, perkara yang meliputi unsur keadilan di antara manusia, seperti memaksa ahli peniaga itu untuk menjual dengan harga yang sudah ditentukan, dan melarang mereka dari mengambil keuntungan lebih dari kadar yang telah ditetapkan itu, maka perbuatan itu adalah dibolehkan, bahkan wajib.
6. Dalam kategori pertama, hadis telah menerangkan, jika para peniaga itu menjual barang-barang mereka dengan harga yang sudah diketahui ramai tanpa ada anasir penganiayaan dari mereka. Kemudian tiba-tiba harganya naik mendadak kerana kekurangan barangan atau kerana banyak permintaan (menurut undang-undang *demand and supply*), iaitu penghasilan dan permintaan, maka ia diserahkan kepada Allah.
7. Memaksa peniaga untuk menjual sesuatu dengan harga yang ditentukan secara paksa, samalah dengan memaksa orang membuat sesuatu tanpa hak atau kebenaran.
8. Dalam kategori kedua pula, umpamanya peniaga yang mempunyai barang-barang perniagaan yang dia enggan menjualnya kepada umum, sedangkan orang ramai sangat memerlukan barang tersebut, kecuali mereka ingin menjual dengan harga yang lebih tinggi yang lebih dari yang biasa dijual di pasaran.

9. Maka di sini wajib dipaksa penjual itu untuk menjualnya mengikut harga pasaran (*market price*). Dan tidaklah dimaksudkan dengan menetapkan harga itu melainkan dengan memastikannya dijual dengan harga yang telah sedia maklum. Menetapkan harga ini samalah seperti menetapkan keadilan yang memang diwajibkan Allah untuk dilaksanakan. - Rujuk Risalah *al-Hisbah* oleh Ibn Taimiyah dan kitab *al-Turuq al-Hakamiyah* oleh Ibn al-Qayyim (hlm. 214 dan seterusnya)

Monopoli Dilaknat Allah

Sekalipun Islam menjamin kebebasan individu dalam jual beli dan mencari kelebihan untung secara zahir dalam pasaran, namun Islam juga mengingkari sifat *ananiyah* dengan sekeras-kerasnya, atau keegoan sesetengah individu dan kerakusan diri untuk mendapatkan kekayaan harta benda atas biaya orang lain, atau mengumpul kekayaan dengan menekan harga makanan rakyat dan menaikkan harga keperluannya.

Oleh kerana itulah, Nabi SAW melarang keras serta mengancam perbuatan monopoli itu dalam sabdanya seperti berikut:

مَنْ احْتَكَرَ الطَّعَامَ اَرْبَعِينَ لَيْلَةً فَقَدْ بَرِيَ اللهُ مِنْهُ

Maksudnya: "Barangsiapa yang menyimpan makanan untuk tujuan monopoli selama empat puluh hari, nescaya Allah akan melepaskan diri daripadanya."

Riwayat al-Dailami (890)

Sabda Baginda lagi:

لَا يَحْتَكِرُ إِلَّا خَاطِئٌ

Maksudnya: "Tiada yang memonopoli itu melainkan dia seorang yang bersalah."

Riwayat Muslim (4207) dan Ahmad (16171)

Perkataan "*bersalah*" di sini bukanlah suatu perkataan yang ringan yang boleh diremehkan. Ini kerana perkataan seumpama itu jugalah pernah digunakan oleh

al-Quran terhadap pembesar-pembesar yang zalim dan sombong, seperti Firaun dan Haman berserta tentera-tentera mereka, sebagaimana dinyatakan di dalam al-Quran:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَمَانَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا خَاطِئِينَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Firaun dan Haman serta orang-orangnya adalah golongan yang bersalah.*

(Surah al-Qasas: 8)

Nabi SAW menjelaskan tentang peribadi orang yang suka memonopoli serta sifat yang sangat terkeji itu dengan sabdanya:

بئس العبدُ المُحتَكِرُ، إن سَمِعَ بِرُخْصِ سَاءَةٍ، وَإِنْ سَمِعَ بِغَلَاءِ فَرِحَ

Maksudnya: *“Seburuk-buruk peribadi orang yang suka memonopoli itu, iaitu apabila dia dengar harga barang murah, ia merasa kecewa, dan apabila dia dengar harga barang mahal, dia amat gembira.”*

Riwayat al-Tabarani (186) dan al-Baihaqi (11215)

Sabda Nabi SAW lagi:

الْجَالِبُ مَرْزُوقٌ، وَالْمُحْتَكِرُ مَلْعُونٌ

Maksudnya: *“Pembawa barang itu diberi Allah rezeki, dan yang memonopoli barang itu terkutuk.”*

Riwayat Ibn Majah (2153)

Ini kerana manfaat saudagar itu akan ada dengan salah satu dari dua jalan ini:

- Dia menyembunyikan barang-barang untuk dijualkannya dengan harga yang mahal, apabila ramai orang mencari barang-barang itu tidak mendapatnya di pasar. Maka orang yang memerlukan barang itu akan berjumpa saudagar itu, lalu membeli barang itu daripadanya dengan harga yang ditetapkannya dengan sesuka hatinya, meskipun harganya tinggi.

- Cara lain ialah dia membawa barang-barang itu untuk dijualkannya dengan keuntungan yang sedikit, lalu dia membawanya lagi apabila diperlukan serta dijualnya lagi seperti itu, kemudian dia membawa lagi dan seterusnya serta dia tetap menjualnya dengan keuntungan yang sedikit. Cara mengambil manfaat seperti ini adalah lebih sesuai dengan maslahat umum rakyat dan lebih banyak berkatnya. Ini kerana pelakunya akan diberi rezeki sebagaimana yang diberitakan oleh Rasulullah SAW.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Imam al-Syafie berpesan:** Allah SWT menjanjikan kepada orang-orang yang beriman bahawa mereka akan memperolehi rezeki yang baik dan pelbagai keberkatan selagi mereka menunaikan perintah Allah.
- ❖ **Pujangga berkata:** Rezeki selalu mencari orang yang sabar, tabah, tahan uji dan gembira.

Kisah Teladan

Antara hadis yang sinonim dengan masalah monopoli ini serta yang berkaitan dengan naik turun harga barang itu, iaitu apa yang diriwayatkan oleh Ma'qil bin Yasar, sahabat Rasulullah SAW ketika dia sedang menderita sakit, lalu dia didatangi oleh Ubaidullah bin Ziyad, seorang gabenor kerajaan Bani Umayyah untuk menziarahinya.

Lalu Ubaidullah berkata kepada Ma'qil! Hai Ma'qil! Adakah engkau tahu bahawa aku ini sudah mengalirkan darah yang haram? Jawab Ma'qil: Aku tidak tahu. Ubaidullah bertanya lagi: Adakah engkau tahu, bahawa aku telah mencampuri harga barang-barang kaum Muslimin? Jawab Ma'qil lagi: Aku tidak tahu! Kemudian Ma'qil berkata kepada orang-orang yang ada di sekitarnya: Dudukkanlah aku! Maka mereka pun mendudukkan Ma'qil. Dan seterusnya beliau berkata: Aku pernah mendengarnya daripada Rasulullah SAW bukan sekali atau dua kali. Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ دَخَلَ فِي شَيْءٍ مِنْ أَسْعَارِ الْمُسْلِمِينَ لِيَغْلِبَهُ عَلَيْهِمْ كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى

أَنْ يُقْعِدَهُ بِعُظْمٍ مِنَ النَّارِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang turut campur tangan dalam harga barang-barang kaum Muslimin dengan tujuan untuk meninggikan harganya ke atas mereka, maka berhaklah Allah yang Maha Berkat dan Maha Tinggi untuk menempatkannya di tempat yang sangat dahsyat di dalam neraka kelak di hari Kiamat.”

Riwayat Ahmad (20849) dan al-Tabarani (480)

Mendengar berita itu, Ubaidullah pun bertanya: Apakah benar engkau mendengar sabda itu daripada Rasulullah SAW? Ma'qil menjawab: Ya benar, bukan sekali atau dua kali aku mendengarnya.

Dan dari nas hadis-hadis tersebut serta maksudnya, maka para ulama telah menetapkan hukum pengharaman monopoli barang-barang keperluan ramai dan menyembunyikan dengan dua syarat berikut:

- Jika monopoli itu dilakukan di sebuah negeri yang memang akan menimbulkan kesulitan kepada penduduknya, apabila diadakan monopoli atau menyembunyikan barang-barang keperluan orang pada masa itu.
- Jika maksud dari monopoli itu ialah hendak meninggikan harganya supaya dapat diraih keuntungan yang banyak daripada perbuatan monopoli itu.

